

BORANG DEKLARASI ANTI-RASUAH

Bertarikh pada **haribulan**

Syarikat kami, _____ (*Nama Syarikat*) nombor pendaftaran _____, (termasuk Pengarah, pegawai dan pekerja kami) dengan ini:

1. IKRAR, KOMIT DAN AKUJANJI BAHAWA:

A. Kami telah membaca, memahami dan akan mematuhi:

- (i) Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Sogokan (“Polisi ABC”) EWI Capital Berhad (dahulunya dikenali sebagai Eco World International Berhad) (https://ewi.capital/policies_and_code/anti-bribery-and-anti-corruption-policy/). Polisi ABC menggariskan pendirian toleransi sifar EWI Capital dan kami akan sentiasa mematuhi Polisi ABC semasa melaksanakan tugas kami untuk atau bagi pihak EWI Capital. Untuk tujuan Deklarasi Anti-Rasuah ini, “EWI Capital” merujuk kepada EWI Capital Berhad (dahulunya dikenali sebagai Eco World International Berhad), anak-anak syarikatnya, syarikat usahasamanya dan syarikat bersekutunya yang menerima pakai Polisi ABC ini;
- (ii) semua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan anti-rasuah, anti-sogokan dan penipuan (“Undang-Undang Terpakai”);
- (iii) prinsip anti-rasuah yang dipromosikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) seperti berikut:
 - (a) berkomitmen untuk mempromosikan nilai-nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik;
 - (b) mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah;
 - (c) mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan memerangi rasuah;
 - (d) memerangi apa-apa bentuk amalan rasuah; dan
 - (e) menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia, SPRM dan pihak berkuasa lain dalam bidang kuasa negara yang mana kami beroperasi,

setakat pengetahuan kami yang terbaik (secara kolektif disebut sebagai “Peruntukan”).

- B. Kami tidak akan, melalui mana-mana wakil, ejen atau orang-orang yang berkaitan dengan kami atau EWI Capital, melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau melanggar mana-mana Undang-Undang Terpakai dan / atau Peruntukan. Kami tidak akan mendorong unsur rasuah dalam amalan, aktiviti, operasi dan transaksi perniagaan kami.
- C. Kami tidak pernah disabitkan dan kami juga bukan subjek sebarang penyiasatan, siasatan atau prosiding penguatkuasaan oleh pihak berkuasa yang berkenaan terhadap apa-apa pelanggaran Undang-Undang Terpakai dan / atau Peruntukan semasa atau yang disyaki berlaku dan akan melaporkan apa-apa pelanggaran Undang-Undang Terpakai dan / atau Peruntukan yang berlaku atau yang disyaki berlaku kepada EWI Capital secepat mungkin dan setakat mana yang diizinkan oleh undang-undang.
- D. Kami tidak disenaraikan dan tidak pernah disenaraikan oleh mana-mana agensi kerajaan sebagai disekat, digantung, dicadangkan untuk penggantungan atau pembatalan, atau tidak layak untuk menyertai program perolehan kerajaan atau kontrak kerajaan yang lain.

- E. Kami akan mengambil semua langkah dan melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan kepatuhan terhadap Undang-Undang Terpakai dan / atau Peruntukan.

2. BERSETUJU BAHAWA:

- A. Sekiranya kami melanggar mana-mana seksyen di atas atau Undang-Undang Terpakai dan / atau Peruntukan, EWI Capital boleh membatalkan kontrak yang diberikan atau menamatkan kontrak berhubung dengan transaksi perniagaan kami dengan serta-merta tanpa apa-apa liabiliti di pihak EWI Capital. Ini tidak akan menjejaskan hak atau remedi lain EWI Capital yang mungkin ada atau tindakan lain yang sesuai yang mungkin diambil oleh EWI Capital mengikut syarat-syarat tender atau kontrak yang berkenaan atau undang-undang dan peraturan yang terpakai.
- B. Sekiranya kami melanggar mana-mana seksyen di atas, atau Undang-Undang Terpakai dan / atau Peruntukan, kami akan menanggunggrugi EWI Capital terhadap semua bentuk ganti rugi dan / atau liabiliti, sama ada jenayah atau sivil, dalam sebarang tindakan undang-undang diambil terhadap EWI Capital berhubung dengan pelanggaran tersebut.
- C. Sekiranya mana-mana orang cuba mendapatkan sebarang rasuah atau faedah (sama ada kewangan atau sebaliknya) daripada kami atau mana-mana orang lain yang berkaitan dengan kami sama ada sebagai dorongan atau insentif untuk kami dipilih untuk satu cadangan urusniaga perniagaan dengan EWI Capital atau sebagai ganjaran, hadiah, atau bonus atau di mana kami mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki apa-apa pelanggaran obligasi di dalam Deklarasi Anti Rasuah ini, Polisi ABC atau mana-mana Undang-Undang Terpakai, kami akan melaporkan perkara sedemikian kepada EWI Capital secepat mungkin.
- D. Polisi ABC boleh dikemaskini, dipinda atau disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan kecukupan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaannya, dan apabila kami menerima Polisi ABC yang sudah dikemaskini, dipinda atau disemak semula, kami akan mematuhi sepenuhnya semua terma yang terkandung di dalamnya.
- E. Kami dimaklumkan sepenuhnya mengenai Polisi Pemberian Maklumat dan saluran yang tersedia untuk kami melaporkan sebarang salah laku atau insiden yang berkaitan dengan transaksi komersial antara kami dan EWI Capital.

Untuk dan bagi pihak Rakan Niaga,

Yang benar,

Nama Pengarah Syarikat :
Cop Syarikat :

Diterima dan disahkan oleh:

Nama :
Jawatan :

EWI Capital Berhad (dahulunya dikenali sebagai Eco World International Berhad), anak syarikatnya, syarikat usahasanya dan syarikat bersekutunya yang menerima pakai Polisi ABC ini